

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 28 JANUARI 2022

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 40

### Subvarian Omicron mudah berjangkit



Seorang pesakit menerima suntikan vaksin di pusat vaksinasi di Muzium Forum Humboldt Berlin, Jerman.

(Foto AFP)

#### Penularan COVID-19

# Subvarian Omicron mudah berjangkit

**Petunjuk dapati BA.2 cepat merebak terutama individu tidak divaksinasi**

**Copenhagen:** Subvarian Omicron, BA.2 yang kini dominan di Denmark dilihat lebih menular berbanding 'sub-lineage' BA.1, kata Menteri Kesihatan Denmark, Magnus Heunicke.

"Tiada bukti varian BA.2 menyebabkan lebih banyak penyakit, tetapi ia lebih menular," katanya pada sidang media kelmarin.

BA.1 kini menyumbang 98 peratus daripada keseluruhan kes di dunia tetapi di Denmark varian itu diketepikan oleh BA.2, yang menjadi dominan pada minggu kedua Januari.

Agensi Keselamatan Kesihatan United Kingdom (UK) menetapkan BA.2 sebagai varian di bawah siasatan (VUI) dan mengatakan ia mempunyai kelebihan dalam pertumbuhan.

Menurut pihak berkuasa penyakit berjangkit utama Denmark, Statens Serum Institut (SSI), pengiraan awal mencadangkan BA.2 mungkin 1.5 kali lebih berjangkit daripada BA.1.

Bagaimanapun, analisis awal institut itu menunjukkan tiada perbezaan dalam risiko kemasukan ke hospital untuk BA.2 dan BA.1.

"Terdapat beberapa petunjuk

bahawa ia lebih menular, terutamanya bagi mereka yang tidak divaksinasi, tetapi ia juga boleh menjangkiti orang yang telah divaksinasi ke tahap lebih tinggi," kata Pengarah Teknikal SSI, Tyra Grove Krause, dalam taklimat itu.

Ini bermakna kemuncak pandemik di Denmark akan berlanjutan ke Februari, kata Krause.

Kes BA.2 juga sudah didaftarkan di Britain, Sweden dan Norway, tetapi pada tahap yang lebih rendah berbanding di Denmark.

Denmark pada Rabu mengumumkan rancangan untuk membatalkan sekatan COVID-19 menjelang 1 Februari, negara terbaru di Eropah yang berbuat demikian walaupun mencatatkan jumlah jangkitan harian yang tinggi.

REUTERS